

25/01/2002

MIC sedia terima parti kaum India

KUALA LUMPUR, Khamis - MIC mengulangi kesediaannya menerima permohonan parti kaum India lain untuk menyertainya tetapi tidak akan bergabung dengan parti lain.

Sehubungan itu, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pintu parti itu terbuka untuk anggota tiga parti berasaskan kaum India yang permohonannya untuk menyertai Barisan Nasional (BN) ditolak semalam.

Beliau berkata, Malaysia hanya memerlukan satu parti mewakili kaum India dan tanggungjawab itu sudah dipenuhi oleh MIC yang kini mempunyai 580,000 ahli.

Semalam, Dewan Tertinggi BN menerima permohonan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula Barisan Nasional (BN) tetapi menolak permohonan Barisan Kemajuan India SeMalaysia (IPF), Kongres India Muslim Malaysia (Kimma) dan Parti Punjabi Malaysia (PPM).

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata IPF masih boleh mengambil bahagian dalam BN tetapi bukan sebagai parti komponen walaupun MIC sanggup menerima keahliannya.

Samy Vellu berkata, peratusan penduduk India berbanding kaum lain di negara ini kurang daripada 10 peratus atau kira-kira 1.7 juta orang dan ia semakin susut.

"Oleh itu, kita (masyarakat India) tidak perlu terlalu banyak parti kerana ia hanya memecahbelahkan masyarakat menjadikannya lemah serta hilang kuasa bersuara dan pengaruh kerana tiada muafakat.

"MIC tidak pernah menolak kemasukan mana-mana ahli asalkan berketurunan India, tidak kira kaum India Muslim atau Punjabi, malah MIC juga sudah menubuhkan cawangan khusus bagi ahli kaum Punjabi.

"Mengenai IPF pula, kita sudah buka pintu kepada mereka. Kalau mahu dia boleh masuk, kalau tak suka apa boleh kita buat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar Pelaburan Dalam Pasaran Saham Bagi Meningkatkan Ekuiti Masyarakat India di sini, hari ini.

Beliau berkata, MIC sedia menerima semua bahagian, cawangan serta ahli IPF menyertai parti itu dan presidennya, Datuk M G Pandithan akan dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC).

Bagaimanapun, katanya, Pandithan tidak boleh diberi jawatan dalam kerajaan buat masa sekarang kerana tiada kekosongan tetapi memberi jaminan akan mempertimbangkannya pada pilihan raya akan datang.

Samy Vellu juga memaklumkan beliau akan berbincang dengan pemimpin PPM dan Kimma mengenai masa depan mereka dalam BN kerana semua mereka serumpun dan boleh bekerjasama bagi manfaat BN.

Beliau turut mengingatkan rakyat berketurunan India supaya berterima kasih kepada kerajaan BN yang sanggup menyediakan peruntukan khusus seperti bantuan pendidikan sekolah Tamil RM13.5 juta tahun lalu, walaupun menjadi golongan minoriti.

Sementara itu, Kimma merancang menghantar satu memorandum kepada BN untuk menyuarakan hasrat bergabung dengan Umno.

Setiausaha Agungnya, Amir Amsaa Allapitchay, berkata Kimma selama ini memang menyokong BN dalam semua aktiviti anjuran parti itu.

"Walaupun kami minoriti, kami perlukan satu saluran politik yang berpengaruh untuk mewakili akar umbi kami bersuara. Kami hampa dengan keputusan BN menolak permohonan kami untuk menjadi ahlinya kerana kami memohon lima kali sejak 1984 lagi," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

(END)